



## Pertandingan Perekaan Barang Kemas MIJF Kini Dibuka untuk Pendaftaran

Kuala Lumpur, Malaysia: Pertandingan Perekaan Barang Kemas di Malaysia yang amat dikagumkan iaitu MIJF Jewellery Design Awards Edisi Ketiga kini dibuka untuk pendaftaran! Dengan kejayaan pertandingan tahun lepas, pihak pengajur pertandingan Elite Expo Sdn. Bhd. percaya bahawa pertandingan tahun ini yang bertema "Flame of Desire" akan mendapat lebih penyertaan daripada para pelajar berasal dari Malaysia dan luar negara terutamanya negara Asia.

Semenjak perasmianya pada tahun 2011, MIJF Jewellery Design Awards bermaklamat untuk menaikkan taraf industri barang kemas Malaysia ke taraf antarabangsa dan berusaha menggalakkannya sebagai pemula fesyen terutama di industri barang kemas antarabangsa dengan menemui pelajar muda dari seluruh dunia yang mempunyai kebakatan dalam bidang perekaan dan berkebolehan untuk menjadi pemimpin industri barang hiasan pada masa depan. Pelajar-pelajar yang belajar di sekolah seni atau reka bentuk di Malaysia atau luar negara yang berumur 28 tahun atau ke bawah berlayak untuk menyertai pertandingan tersebut.

Tema pertandingan MIJF Jewellery Design Awards 2013 ialah "Flame of Desire" yang bermaksud "Nyala Keinginan" bertujuan menggalak dan memberi kebebasan kepada pereka muda supaya mengekalkan keghairahan mereka dalam merealisasikan keinginan dan kreativiti mereka dalam reka bentuk barang kemas mereka. "Keinginan" akan menjadi inspirasi utama mereka supaya berani mencapai impian sendiri. Para peserta adalah bebas untuk mendaftar dalam mana-mana empat kategori yang disediakan termasuk cincin, subang, kalung dan gelang/kerongsang. Para pengadil akan memilih pemenang-pemenang pertandingan berdasarkan aspek keaslian, kreativiti dan inovasi reka bentuk barang kemas tersebut, kesesuaian untuk pasaran, daya tahan kepadaan dan kerelevan reka bentuk dengan tema yang disediakan.

Pemenang-pemenang kategori masing-masing bukan sahaja akan menerima wang tunai RM3,000, mereka juga berpeluang bekerjasama dengan Amee Philips Jewellery untuk menghasilkan barang kemas dengan merujuk kepada reka bentuk mereka dan memperkenalkan empat koleksi barang kemas di MIJF 2013. Dengan peluang ini, pemenang akan menerima publisiti yang tinggi untuk hasil reka bentuknya dan membantunya atas kerjayaannya sebagai seorang pereka barang kemas pada masa depan. Selain itu, pemenang Anugerah Cemerlang yang dipilih daripada empat orang pemenang kategori akan menerima biasiswa untuk kelas Reka Bentuk Barang Kemas di GIA Thailand. Ribuan terima kasih kepada penaja pertandingan ini, iaitu Amee Philips Jewellery, GIA Thailand dan Ablaze Gems Sdn Bhd.

Jika anda masih muda dan berbakat, dan bercita-cita menjadi seorang pereka bentuk barang kemas yang berjaya, marilah berdaftar dalam Pertandingan Pereka Barang Kemas ini dan menunjukkan kreativiti anda di mata dunia! Jangan lupa menghantar pendaftaran anda sebelum Mac 31, 2013. Anda mungkin akan memiliki kerjaya yang berjaya pada masa depan!

Untuk pertanyaan, sila hubungi Bahagian PR & Kommunikasi Elite Expo Sdn Bhd (Tel) +603-58911157 (Email) [info@eliteexpo.com.my](mailto:info@eliteexpo.com.my) atau melayari laman web di [www.elite.com.my](http://www.elite.com.my).

Dianjurkan oleh

Ditajakan oleh